

BELANJAWAN: Diskaun Tambang 50 Peratus Penumpang Feri Dari Labuan Ke Sabah, Sarawak
Bernama
28 September, 2012

KUALA LUMPUR, 28 Sept (Bernama) -- Diskaun tambang sebanyak 50 peratus akan diberi kepada pengguna feri yang berulang alik dari Labuan ke Sabah dan Sarawak, kata Datuk Seri Najib Tun Razak.

Perdana Menteri berkata diskaun 50 peratus turut diberikan ke atas tambang feri untuk kenderaan komersial yang mengangkut barang keperluan asas dan binaan ke Labuan.

Beliau berkata demikian ketika membentangkan Belanjawan 2013 bertemakan "Memakmur Negara, Mensejahtera Rakyat: Sebuah Janji Ditepati" di Dewan Rakyat di sini, Jumaat.

Sementara itu, Najib berkata Pusat Transformasi Bandar (UTC) akan diperhebat dan dilaksanakan secara berperingkat di enam bandar utama iaitu Alor Setar (Kedah), Kuantan (Pahang), Ipoh (Perak), Johor Baharu (Johor), Kota Kinabalu (Sabah) dan Kuching (Sarawak).

Program Transformasi Bandar (UTP) adalah inisiatif kerajaan dalam pembangunan komuniti bandar bagi memastikan kesinambungan perkhidmatan kerajaan dan swasta yang efisien, cepat dan mudah diakses.

Pusat Transformasi Bandar (UTC) dilaksanakan dengan mengubahsuai bangunan kerajaan sedia ada yang kosong atau mengoptimum penggunaan bangunan dengan kos yang minimum.

"Sebagai contoh, di UTC, rakyat boleh membuat pasport dalam tempoh satu jam sahaja, membayar zakat, bil utiliti, cukai pintu, membeli kain dan buku serta menjalankan aktiviti riadah seperti futsal dan gim," katanya.

Setakat ini, terdapat dua UTC iaitu di Melaka dan Kuala Lumpur dan terkini UTC Kuala Lumpur menerima purata seramai 4,000 orang sehari.

Bagi Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) pula, perdana menteri berkata ia akan diperluas ke Melaka, Johor, Pahang, Sabah dan Sarawak selain menaik taraf Medan Info Desa seluruh negara sebagai mini-RTC.

Setakat ini RTC dibuka di Gopeng, Perak dan Wakaf Che Yeh, Kelantan bagi menyediakan pusat integrasi perkhidmatan meliputi pengumpulan, pemprosesan dan pengedaran hasil pengeluaran pertanian, perbankan dan insurans, khidmat nasihat perniagaan, latihan dan kemahiran, klinik serta ruang niaga.

Perdana Menteri berkata kawasan luar bandar akan terus dibangunkan bagi mengurangkan jurang pembangunan bandar dan luar bandar.

Sebanyak RM4.5 bilion akan disediakan bagi melaksanakan pelbagai projek pembangunan pada tahun 2013 termasuk sebanyak RM1.2 bilion bagi melaksanakan 441 kilometer projek jalan luar bandar dan jalan perhubungan desa yang memanfaatkan 220,000 penduduk.

Sebanyak RM1.6 bilion diperuntuk bagi projek infrastuktur utiliti luar bandar untuk projek bekalan air kepada 24,000 buah rumah dan projek penyambungan bekalan elektrik kepada 19,000 buah rumah.

Selain itu, sebanyak RM137 juta disediakan untuk biayai Program Desa Lestari yang melibatkan 29 buah kampung seluruh negara dan memanfaatkan 38,000 penduduk serta RM88 juta untuk melaksanakan program pembangunan ekonomi dan projek bekalan air bagi masyarakat Orang Asli dan RM100 juta untuk membekalkan 40,000 tangki air menggunakan kaedah tadahan air hujan di kawasan pedalaman Sabah dan Sarawak.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=698221>